



19 Januari 2012
19 Januari 2012
P.U. (A) 22

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN
(PENGECCUALIAN) 2012

INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2012**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2014.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“dilakukan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam perenggan 46 dan 55 Jadual 3 Akta;

“kemudahan jagaan kesihatan swasta” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*];

“kemudahan jagaan kesihatan swasta baru” ertinya suatu establismen kemudahan jagaan kesihatan swasta diluluskan yang dijalankan oleh suatu syarikat yang layak;

“Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia” ertinya suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [*Akta 397*];

“Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia” ertinya suatu majlis yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia bagi maksud membangunkan dan mempromosikan industri pelancongan kesihatan di Malaysia;

“pelancong kesihatan” ertinya—

- (a) seorang bukan warganegara Malaysia yang menyertai program *Malaysia My Second Home*;
- (b) seorang pegawai dagang bukan warganegara Malaysia yang memegang permit kerja Malaysia dan tanggungannya; atau
- (c) seorang bukan warganegara Malaysia yang melawat dan menerima kemudahan jagaan kesihatan swasta di Malaysia;

“perbelanjaan modal yang layak” ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan oleh suatu syarikat yang layak atas suatu aset yang digunakan di Malaysia semata-mata bagi maksud projek yang layak —

- (a) berhubung dengan bangunan, kos pembelian atau pembinaan bangunan baru yang mengikut piawaian dan bangunan itu –
 - (i) telah dilesenkan dengan Kementerian Kesihatan; dan
 - (ii) telah didaftarkan dengan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia; dan
- (b) berhubung dengan loji dan jentera, peralatan perubatan atau kemudahan lain yang digunakan bagi maksud projek yang layak itu hendaklah ditentukan oleh Kementerian Kesihatan dan diluluskan oleh Menteri:

Dengan syarat bahawa perbelanjaan modal yang layak itu tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas bangunan yang digunakan sebagai tempat

kediaman yang disediakan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau individu yang menjadi anggota pihak pengurusan atau pentadbiran, atau pekerja, syarikat yang layak;

“projek pembesaran, pemodenan atau pembaharuan” ertinya suatu projek yang dijalankan oleh suatu syarikat yang layak dalam membesarkan, memodenkan atau membaharui perniagaan kemudahan jagaan kesihatan swastanya sedia ada, termasuklah perkhidmatan infrastruktur dan fungsian, dan perniagaan itu—

- (a) tidak pernah diberikan apa-apa pengecualian di bawah Perintah ini; dan
- (b) melibatkan pelaburan baru;

“projek yang layak ” ertinya—

- (a) mana-mana perniagaan kemudahan jagaan kesihatan swasta baru; atau
- (b) mana-mana projek bagi pembesaran, pemodenan atau pembaharuan perniagaan kemudahan jagaan kesihatan swasta yang sedia ada,

yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan ditentukan oleh Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia; dan

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];
- (b) bermastautin di Malaysia; dan
- (c) melaksanakan projek yang layak.

Pemakaian

3. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) syarikat yang layak yang belum memulakan perniagaannya atau perniagaan jagaan kesihatan swasta barunya pada tarikh permohonan dikemukakan kepada Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia; atau
- (b) syarikat yang layak yang belum melakukan apa-apa perbelanjaan yang layak ke atas projek pembesaran, pemodenan atau pembaharuan pada tarikh permohonan dikemukakan kepada Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia; dan
- (c) permohonan yang dibuat oleh syarikat yang layak kepada Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia pada atau selepas 1 Januari 2010 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2014.

Pengecualian

4. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu projek yang layak yang bersamaan dengan amaun elaun sebagaimana yang ditentukan dalam subperenggan (2).

(2) Amaun elaun yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah seratus peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dalam tempoh lima tahun.

(3) Tarikh permulaan kuat kuasa bagi tempoh yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah ditentukan oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia dan, berhubung dengan—

- (a) suatu perniagaan jagaan kesihatan swasta baru, pada tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama telah dilakukan dan tarikh itu tidak boleh lebih awal dari 1 Januari 2010 atau hendaklah tiga tahun dari tarikh kelulusan sebagai perniagaan